# NEWS KualiTi 2020

Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat

kualiti@jkr.gov.my

November 2020

BERITA UTAMA: JKR antara agensi terawal mendapat pensijilan ISO 45001:2018 ms1

KPI kualiti dan KKP antara KPI KPKR tahun 2021 ms3

MENARIK DI DALAM: Takwim BPK Tahun 2021 ms30

# COVID-19;JKR MENDEPANI CABARAN MENDATANG

#KITAMESTIMENANG



Naskah digital ini dibawakan oleh

BPK BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI

Scan to download



**KEYNOTE PENGARAH CDPK**

Ir. Haji Masri bin Baharuddin
Pengarah
Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat
Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Di sebalik ketidaktentuan yang melanda di tahun 2020 disebabkan oleh pandemik Covid-19, CDPK meneruskan perkhidmatan sokongan dari segi teknikal dan bukan teknikal kepada Pengurusan Atasan JKR Malaysia, JKR Cawangan dan JKR Negeri dengan penuh iltizam.

Bahagian Pengurusan Kualiti (BPK) khususnya telah berjaya mencapai semua sasaran yang ditetapkan dan ini dapat dilihat melalui kompilasi semua program di dalam buletin edisi ini.

Sekalung tahniah diucapkan kepada warga BPK yang terlibat dalam penghasilan Buletin Kualiti Edisi 2020 dan semoga buletin ini akan memberikan manfaat dan pengetahuan berguna kepada warga kerja Jabatan Kerja Raya keseluruhannya.

# BICARA KETUA BAHAGIAN



Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa kesyukuran kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, kita berjaya menerbitkan Buletin Kualiti Edisi 2020 sebagai medium untuk perkongsian ilmu dan maklumat berkenaan program Bahagian Pengurusan Kualiti (BPK). Pada kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penyumbang artikel dan sidang redaksi atas kesungguhan serta komitmen yang dicurahkan.

Disamping itu, saya ingin menyeru semua warga Jabatan Kerja Raya agar mengamalkan cara kerja Norma Baharu akibat penularan wabak COVID-19 sepertimana Taklimat Kempen Pembudayaan Norma Baharu peringkat Jabatan Kerja Raya yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman, Ketua Pengarah Kerja Raya pada 14 Oktober 2020. Hal ni juga sejajar dengan amalan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Semoga kita semua dilindungi daripada pandemik ini dan diberikan kesihatan yang baik.

Tahun 2020 menyaksikan kejayaan jabatan dalam memperolehi pensijilan bagi Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Pensijilan semula ini melibatkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS) ISO 14001:2015. Manakala pensijilan melibatkan penggunaan buat pertama kalinya sistem versi baharu iaitu; Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) ISO 45001:2018, dan Sistem Pengurusan Tenaga (SPT) ISO 50001:2018 berjaya diperolehi. Dalam memperkasa pembudayaan kerja yang sistematik dan efisien secara berterusan selain mengekalkan pengiktirafan ISO di JKR, BPK menggalas tanggungjawab selaku pemilik Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (SPKKP), sering menambah baik sistem supaya ia terus menjadi amalan dan budaya kerja jabatan. Perkara ini seiring dengan visi jabatan sebagai penyedia perkhidmatan teknikal bertaraf dunia demi pembangunan infrastruktur negara melalui modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini.

Akhir kalam, harapan saya semoga penerbitan Buletin Kualiti Edisi 2020 ini dapat memberikan manfaat, pendedahan dan pengetahuan berguna kepada warga kerja JKR keseluruhannya disamping menyumbang ke arah pencapaian visi dan misi jabatan.

# KANDUNGAN

## SIDANG REDAKSI


**Penasihat**

Ir. Anisah binti Saim

**Ketua Editor**

Ai'nun Bashirah binti Hamid

**Editor Bersama**

Ir. Faizan binti Ismail

Ashrif bin Abd Jalil

**Sidang Editorial**

Nur Azlina binti Sapuan

Shahrom Darmawan bin Mohd Yunus

Mohd Rusydan Syahir bin Shaharuddin

Nur Syahirah binti Abd Talib

Nor Fazilawati binti Che Ramli

Amira Najwa binti Mohamed Nor

Mohd Asri bin Zainol

Juliyanah binti Sama'an

Ir. Siti Sarah binti Ibrahim

Nardzri bin Mastuki

Sharifah Nur Auni binti Syd Fauzinor

Ahmad Termizi bin Mat Arshat

Nazhatul Syazwanee binti Jajuli

Suryani binti Mohamad

Iftah binti Yaakub

Noor Afiqah binti Misrun



BERITA UTAMA 1-3
DARI MEJA KETUA EDITOR 5-6
DALAM NEGERI 11- 16
STATISTIK 21- 22
PROGRAM SPB 23- 24
PROGRAM SPKKP 25- 26
EKSA 27- 29
SALAM ANTARA JABATAN 29- 40
KURSUS 41- 46
BPK SANA SINI 47- 50



CONTACT

kualiti@jkr.gov.my

www.jkr.gov.my

# JKR MALAYSIA ANTARA 10% AGENSI TERAWAL MENDAPAT PENSIJILAN ISO 45001:2018

Oleh: Ai'nun Bashirah binti Hamid

Menara Kerja Raya, Kuala Lumpur - Tahniah diucapkan kepada JKR Malaysia di atas pencapaian memperolehi pensijilan bagi Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) dengan *Occupational Safety and Health Management System* ISO 45001:2018. Pensijilan ini berkuatkuasa pada 27 Julai 2020 dan menggantikan pensijilan sedia ada JKR sebelum ini iaitu OHSAS 18001:2007.

Sehingga 25 Ogos 2020, daripada keseluruhan 1268 organisasi kerajaan dan swasta yang telah dipesijilkan dengan OHSAS 18001:2007, hanya 137 yang telah dipersijilkan dengan ISO 45001:2018 dan angka tersebut termasuk JKR. Ini bermakna , JKR telah berjaya menjadi antara 10% agensi terawal yang mendapat pensijilan ISO 45001:2018. *(sumber: Jabatan Standard Malaysia).*


SIRIM QAS INTERNATIONAL

SIJIL

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**JABATAN KERJA RAYA (JKR) MALAYSIA**
**KETUA PENGARAH KERJA RAYA**
**IBU PEJABAT JKR MALAYSIA**
**TINGKAT 33, BLOK G**
**JALAN SULTAN SALAHUDDIN**
**50480 KUALA LUMPUR**
**WILAYAH PERSEKUTUAN**
**MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan yang menepati

**ISO 45001:2018**

*SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN - Keperluan dengan panduan*

Skop Pensijilan

**PENYELIAAN PROJEK PEMBINAAN BAGI KONTRAK BERNILAI MELEBIHI RM 20 JUTA.**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh dikeluarkan | : | 24 Julai 2020 |
| Tarikh asal pensijilan | : | 15 Mei 2015 |
| Tarikh luput | : | 18 Jun 2023 |
| No. pensijilan | : | OHS 00604 |

OH&S SYSTEM SIRIM

STANDARDS MALAYSIA
OHS 06122005 CB 01

IQNet

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
(Company No. 410334 - X)
1, Persiaran Dato' Menteri
Section 2, P.O. Box 7035
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel : 60-3-5544 6404
Fax : 60-3-5544 6787
http://www.sirim-qas.com.my
http://www.malaysiancertified.com.my

**Mohd Azanuddin Salleh**
Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Penganugerahan sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti ternyata dalam Perjanjian Pensijilan.

Pensijilan ISO 45001:2018 JKR Malaysia melibatkan skop penyeliaan projek dalam pembinaan melebihi RM20 juta dan purata jumlah projek yang terlibat setiap tahun adalah 180 projek.

Walaupun perancangan pensijilan asalnya adalah pada bulan April (seperti tahun-tahun sebelumnya), dan terpaksa ditunda disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), urusan bagi mendapatkan pensijilan terus dilaksanakan malahan pegawai yang menguruskan urusan perolehan hadir ke pejabat semasa PKP bagi membolehkan pengurusan dan proses mendpatkan pensijilan berjalan lancar. Bahagian Pengurusan Kualiti selaku Urus Setia SPKKP JKR Malaysia merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pasukan projek yang terlibat dalam skop pensijilan SPKKP. Semoga dengan pensijilan ini, tapak bina JKR sentiasa selamat dan bebas dari kemalangan dan penyakit pekerjaan.



Oleh: Nur Syahirah binti Abd Talib

# CARI PERKATAAN

## BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI

| | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| G | A | I | P | K | P | G | Y | U | A | D | O | J | T |
| B | R | N | O | R | M | A | B | A | R | U | A | H | E |
| Y | O | A | R | T | I | E | R | W | K | E | M | I | L |
| H | T | H | L | K | U | E | D | H | T | T | L | R | K |
| L | I | S | P | K | D | A | R | Y | B | M | P | A | O |
| K | L | A | P | A | N | Y | L | K | E | K | S | D | M |
| U | Y | Q | W | H | A | T | O | N | O | L | A | C | K |
| A | K | Q | L | A | S | S | I | C | R | O | Y | K | A |
| L | M | A | M | Q | C | K | E | I | T | I | A | R | O |
| I | H | I | D | H | O | N | D | A | Y | N | P | B | S |
| T | S | J | M | R | S | P | B | K | U | O | I | K | H |
| I | R | P | K | K | L | C | C | A | P | V | J | U | R |
| M | E | R | K | P | E | S | E | Y | F | A | R | P | T |
| A | H | J | S | K | S | I | B | A | F | S | H | L | D |
| K | V | R | U | M | P | H | V | F | Z | I | K | K | A |
| I | U | P | E | N | D | R | I | Y | W | U | G | M | Y |
| B | c | R | B | E | K | S | A | J | Q | Y | T | U | H |




START YOUR DAY WITH A GRATEFUL HEART

NORMA BARU EKSA QLASSIC O SH

KUALITI SPKKP INOVASI

SPB HIRADC SPK

# BERSEDIAKAH ANDA?

## - KPI KPKR DI BAWAH KUALITI & KKP

**1** Projek siap bernilai RM10 juta ke atas yang dinilai oleh CIDB melepasi nilai ambang *(THRESHOLD)* QLASSIC 50%

**2** Pengemukaan laporan prestasi KKP setiap bulan adalah 60% daripada jumlah projek bagi memastikan tapak bina dan sistem kerja yang selamat dan sihat

Oleh: Ai'nun Bashirah binti Hamid

Menara Kerja Raya, Kuala Lumpur - Mulai tahun 2021 terdapat 2 *Key Performance Indicator* (KPI) KPKR di mana Bahagian Pengurusan Kualiti sebagai urus setia yang memantau dan mengumpul keputusan pelaksanaan KPI tersebut.

Dengan adanya 2 KPI tersebut, dapat dilihat bahawa aspek kualiti dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) adalah antara teras utama dalam penyampaian projek selain daripada lain-lain KPI penyampaian projek. Kualiti dan KKP ini juga telah dimasukkan sebgai salah satu inisiatif di dalam Pelan Strategik JKR Malaysia 2021-2025.

Walaupun Kedua-duanya telah dilaksanakan sejak tahun 2017 lagi pastinya Urus Setia berdepan cabaran dalam keadaan negara masih berdepan dengan COVID-19.



AUDIT SPKKP

Oleh: Nur Syahirah binti Abd Talib

# SISTEM PENILAIAN SPOSH

SCORING SYSTEM FOR PROJECT IN OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH




**PROJEK DALAM PEMBINAAN DENGAN KOS KONTRAK BERNILAI RM 20 JUTA**

Menilai tahap prestasi sesuatu pasukan projek dalam konteks Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

## Pembahagian Markah

MENGIKUT KATEGORI

Penilaian Dokumentasi = 40%
Penilaian Tapak = 55%
Temuduga = 5%

## Tahap Pencapaian Projek

| | | |
|---|---|---|
| Cemerlang | 90 -100 | A |
| Baik | 70 - 89 | B |
| Memuaskan | 50 - 69 | C |
| Kurang memuaskan | 30 - 49 | D |
| Tidak memuaskan | < 29 | E |

# COVID-19 dan Coronavirus: Kita Mesti Menang

Ai'nun Bashirah binti Hamid




Coronavirus kini tidak asing lagi malahan kanak-kanak seawal umur 4 tahun sudah boleh menyebutkan coronavirus apabila ditanya kenapa tidak boleh melakukan aktiviti sosial tanpa batas seperti dahulu. Sehingga tarikh artikel ini ditulis (21 Oktober), angka kematian telah melebihi 1.13 juta orang dengan 41,085,768 jangkitan dilaporkan di seluruh dunia malah Malaysia sekali lagi mengalami kenaikan mendadak kes positif gelombang ketiga dengan seluruh Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

**COVID-19 atau *Coronavirus*?**

COVID-19 merujuk kepada panyakit yang boleh menjangkiti manusia dan juga haiwan dan merupakan salah satu *strain* dari keluarga virus yang besar, kumpulan coronavirus. Antara penyakit berjangkit yang disebabkan oleh *strain* berbeza dari kumpulan coronavirus ini adalah *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS-CoV) dan *Middle East Respiratory Syndrome* (MERS-CoV). SARS pernah menggemparkan dunia pada 2003 dan China merupakan negara yang merekodkan kes tertinggi SARS manakala negara di rantau Timur Tengah melaporkan kes MERSCoV bermula tahun 2012. Gejala utama yang dikesan dalam kalangan kes disebabkan oleh coronavirus merupakan jangkitan respiratori yang berlaku secara akut dan serius, iaitu demam dan kesukaran untuk bernafas. Dan sehingga kini, masih tiada vaksin untuk ketiga-tiga penyakit berjangkit tersebut. Singkatan kata nama khas COVID-19 merujuk kepada ; CO— *Corona*, V—*Virus*, D—*Disease*, *19*—tahun mula dijumpai, tahun 2019. Walaupun virus ini telah dijumpai pada Mac 2019 tetapi kes jangkitan coronavirus pada manusia yang pertama dikesan adalah di Wuhan, China pada 1 Disember 2019 (*patient zero*). WHO kemudiaannya mengisytiharkan Covid 19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 dan pada 18 Mac 2020, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara.

**Pra PKP**

Mac 2020, Bahagian Kualiti sedang rancak melaksanakan program roadshow untuk SPKKP mengikut zon di seluruh negara dan berbaki 3 zon setelah roadshow di zon Pantai Timur selesai pada Nov 2019. 3 roadshow dijadualkan, bermula 4 Mac , 10 Mac dan terakhir 24 Mac. Ketika sedang membuat *rehearsal* untuk roadshow kedua di Zon Selatan pada 9 Mac, kami dikejutkan dengan berita terdapat 1 kes positif melibatkan warga JKR. Perkara yang berlaku selepas pulang ke pejabat pada 11 Mac akan menjadi ingatan di mana beberapa pegawai dari Bahagian Pengurusan Kualiti perlu menjalani ujian *swab test* dan bercuti kuarantin. Pada ketika itu juga, gambar-gambar tentang warga JKR menjalani ujian saringan di Blok G telah heboh di *group whatsapp* dan kemudiannya PKP dilaksanakan di seluruh negara bermula 18 Mac 2020.



**PKP, PKPB, PKPP atau PKPD**

Ramai yang terkesan dengan pelaksanaan PKP samaada dari segi ekonomi keluarga, persekolahan anak-anak, aktiviti sosial setiap hujung minggu dan perubahan tersebut telah sebati dan lama-kelamaan diterima bahawa itulah gaya hidup terkini yang perlu dibiasakan. Mengharungi Ramadhan, sambutan Hari Raya Aidilfitri bahkan dianggarkan COVID-19 akan berada sehinga ke awal tahun 2021 sehingga vaksin yang selamat sempurna pengujiannya.

Kita juga telah dapat membezakan di antara pelitup muka dan pelindung muka, norma baharu dan normal baharu, sanitasi dan disinfeksi dan penjarakan fizikal dan penjarakan sosial bahkan banyak lagi frasa kata lain yang telah sebati dalam kehidupan kita seharian.

**Pasca PKP**

Perkara lain yang paling memberikan kesan ketara adalah pelaksanaan program yang sepatutnya dilaksana sepanjang tempoh PKP ke bulan Jun dan seterusnya. Tidak semua perkara dalam dilaksanakan secara maya atau atas talian. BPK khasnya menguruskan hal-hal berkaitan auditan dan program berbentuk penilaian dan bengkel yang memerlukan kehadiran ke tapak.

Oleh yang demikian sebaik sahaja PKPP bermula, semua program disusun semula mengikut keutamaan dan seperti yang dapat dilihat dalam buletin edisi tahun 2020 ini, BPK berjaya juga menganjurkan pelbagai program di sebalik cabaran. Selain perlu memastikan SOP dipatuhi, perjalanan ke negeri yang dilanda peningkatan kes COVID-19 tetapi terpaksa diteruskan disebabkan perancangan telah dibuat awal, dan pelbagai lagi kenangan yang pasti akan diingati sepanjang hayat perkhidmatan kerana keadaan dunia dilanda pandemik seperti tahun 2020 ini pastinya jarang berlaku.

Justeru, bagaimana Bahagian Pengurusan Kualiti menghadapi cabaran COVID-19 dijadikan sebagai tema untuk buletin tahun 2020 ini sebagai peringatan bahawa kita pernah melalui cabaran besar seperti ini dan kita mesti menang dalam cabaran ini. Patuh pada semua SOP yang disarankan, ambil langkah pencegahan dan bersama-sama kita menjaga diri, keluarga kita, rakan sepejabat kita dan seterusnya negara kita. **Kita Mesti Menang.**



# GARIS PANDUAN PELAN PEMERIKSAAN DAN PENGUJIAN (ITP) EDISI TAHUN 2020

Oleh: Ir. Siti Sarah binti Ibrahim

Urus Setia SPB telah menjilid Dokumen *Inspection Testing Plan* (ITP) Edisi Tahun 2020 yang telah dibuat penambahbaikan oleh *Subject Matter Expert* (SME) mengikut bidang masing-masing. Arahan pemakaian ITP Edisi 2020 ini telah dikeluarkan melalui surat bertarikh 20 Mei 2020 dan penggunaan dokumen ITP ini bermula pada 1 Jun 2020.

ITP ini yang mengandungi sepuluh (10) bidang kerja utama bidang kerja utama iaitu Kerja Geoteknik, Kerja Cerun, Kerja Jalan, Kerja Sivil, Kerja Struktur, Kerja Arkitek, Kerja Lapangan Terbang, Kerja Marin, Kerja Mekanikal dan Kerja Elektrik.




ITP merupakan dokumen sistematik yang perlu disediakan untuk pemeriksaan pengujian, pengujian bahan dan kaedah pemasangan bagi memastikan prosedur untuk melaksanakan aktiviti tersebut mengikut *standard* yang telah ditetapkan (QA/QC). Aktiviti pemeriksaan dan ujian dalam ITP ini merangkumi semua aktiviti sebelum, semasa dan selepas *(i.e: manufacturing, fabrication, construction and installation)* semasa proses penzahiran sesuatu produk.

Dengan terhasilnya Dokumen ITP Edisi 2020, adalah diharapkan ianya dapat membantu staf JKR untuk melaksanakan projek dan seterusnya menyumbang ke arah mencapai objektif JKR iaitu "Menyerahkan projek yang menepati kualiti, masa dan kos yang telah ditetapkan".

**Muat Turun di**

**Laman web spb.jkr.gov.my -> Bahagian DOKUMEN SOKONGAN -> Sub-seksyen Senarai Induk Dokumen Sokongan SPB**

Oleh: Shahrom Darmawan bin Mohd Yunus

# OSHCIM




## PRINSIP OSHCIM

*Tanggungjawab utama terletak pada pihak yang mewujudkan risiko*

*Menguruskan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di peringkat perancangan dan rekabentuk*

*Pembudayaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) sebagai sebahagian dari proses pelaksanaan projek*

*Dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan dilancarkan oleh YB Menteri Sumber Manusia pada 28 Februari 2017.*

*Pelancaran Pilot Project oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 12 November 2018 yang turut disertai oleh **JKR.***


BH Isnin, 12 November 2018 Ms.13

KESELAMATAN PEKERJA

**Garis panduan OSHCIM tangani kemalangan di tempat kerja**

Elak kecederaan, kehilangan nyawa jamin persekitaran selamat

*Keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam industri pembinaan perlu diambil perhatian oleh semua pihak bagi mengelak kemalangan di tempat kerja.*

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my
Bangi

Sejak kebelakangan ini, masyarakat sering dikejutkan dengan berita kemalangan di tempat kerja terutama di tapak pembinaan yang membawa kematian.

Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dan kerisauan masyarakat berhubung tahap keselamatan di negara kita pada masa ini.

Berdasarkan rekod, kadar kemalangan di negara ini pada 2017 adalah 2.93 bagi setiap 1,000 pekerja, manakala kadar kemalangan maut sebanyak 4.90 bagi setiap 100,000 pekerja.

Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Ir Omar Mat Piah, berkata pelbagai usaha serta program diatur dan disusun.

*Buku berkenaan Garis Panduan OSHCIM*

"Kita juga menyediakan standard, garis panduan, pelan strategik berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan"

*Omar Mat Piah, Ketua Pengarah JKKP*

... dang-undang AKKP 1994 dan AKJ 1967 sedia ada, tanggungjawab KKP digalas kontraktor sebagai majikan ini, Omar akui JKKP turut berdepan kekangan di sektor pembinaan.

"Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam fasa meminda AKKP 1994 bagi mewujud dan menambah baik peruntukan berkaitan tanggungjawab kontraktor, pemaju/pemilik dan pereka untuk membuat penaksiran risiko dan mewajibkan 'duty holder' mengambil peduli KKP daripada awal fasa projek pembinaan.

**Kurangkan risiko kemalangan**

"Sebenarnya bersikap peduli terhadap pengurusan KKP di awal fasa pembinaan akan lebih berkesan mengurus risiko di tapak pembinaan," katanya.

Susulan itu, JKKP mengambil pendekatan baharu bagi mencapai matlamat menurunkan kadar kemalangan dan kematian pekerjaan negara ini.

Oleh: Amira Najwa binti Mohamed Nor

Pada tahun 1991, Inovasi mula diperkenalkan kepada penjawat awam melalui **Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK)** dengan objektif untuk menggalakkan penjawat awam bekerja secara berpasukan. Kemudian, pada 1 November 2009, Kerajaan memperkenalkan **Garis Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)** sebagai langkah memantapkan keupayaan penjawat awam untuk menyelesaikan masalah melalui penghasilan atau penambahbaikan sesuatu produk mahupun



Objektif bagi Dasar Inovasi JKR Malaysia adalah:

1. Melahirkan pejawat JKR yang inovatif dan kreatif
2. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan Inovasi dikalangan pejawat JKR
3. Menjana Inovasi dan kreativiti melalui penyelidikan dan pembangunan yang berterusan dan komprehensif.
4. Meningkatkan Kualiti dan produktiviti perkhidmatan bagi memenuhi keperluan stakeholder dan pelanggan.

   Menyokong dasar-dasar berkaitan dengan



Inovasi didefinasikan sebagai kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Ia adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Seperti yang disenaraikan dalam Pelan Strategik JKR 2016-2020.




**Tema 5: Organisasi Inovatif** diperkenalkan untuk membentuk warga kerja inovatif dengan menambah baik kecekapan penyelidikan dan juga memperkasa Gedung ilmu pengetahuan organisasi.




Konvensyen KIK dianjurkan pada bulan Oktober setiap tahun dengan mempertandingkan dua kategori iaitu **Kategori Pengurusan** dan **Kategori Teknikal.** Produk Inovasi tersebut juga dinilai dengan melihat perkaitan bidang Inovasi dan tahap keberhasilan projek.

Dengan adanya penganjuran Konvensyen KIK ini, banyak projek Inovasi dari Jabatan Kerja Raya berjaya dihasilkan dan berpeluang untuk menyertai pertandingan Inovasi di peringkat antarabangsa. Diharap projek KIK ini dapat disebarluas dengan sesi perkongsian ilmu dan memberi aspirasi kepada pelaksana KIK untuk menghasilkan produk yang lebih berimpak tinggi dan berdaya saing.



Oleh: Ir. Siti Sarah binti Ibrahim

## AUDIT PENSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (SPB) JKR MALAYSIA OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.

### 13 - 17 JULAI 2020

Mesyuarat Pembukaan Audit Pensijilan Semula SPB JKR Malaysia telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar), YBhg. Dato' Ir. Hj. Mohamad Zulkefly bin Sulaiman pada hari Isnin, 13 Julai 2020 jam 9.00 pagi di Bilik Mesyuarat Berlian, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia.











Memakai pelitup muka



Kerap membasuh tangan



Penjarakan sosial 1 meter



Oleh: Ir. Siti Sarah binti Ibrahim

## MAJLIS PENYERAHAN SIJIL ISO JKR OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. KEPADA KPKR

### 17 OGOS 2020

### DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID, KOMPLEKS KERJA RAYA

Majlis Penyerahan Sijil ISO telah diadakan bersempena Majlis Amanat KPKR YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman. YBrs. Tuan Mohd Azanuddin bin Salleh (Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM QAS International Sdn Bhd) telah menyerahkan Sijil ISO kepada YBhg. KPKR diikuti penyerahan sijil daripada YBhg. KPKR kepada wakil bagi setiap sistem.







Oleh: Ahmad Termizi bin Mat Arshat

# MESYUARAT PENYELARASAN KETUA PASUKAN AUDIT (KPA) AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (SPB) TAHUN 2020

**25 OGOS 2020**

**BILIK MESYUARAT BERLIAN, ARAS 2, BLOK G MENARA KERJA RAYA**










Oleh: Shahrom Darmawan bin Mohd Yunus




# LAWATAN KERJA KE TAPAK PROJEK MERDEKA 118 DAN MAJLIS PENGHARGAAN PELAKSANAAN GARIS PANDUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN INDUSTRI PEMBINAAN (PENGURUSAN) 2017—OSHCIM

**TAPAK PROJEK PNB 118, KUALA LUMPUR**

**6 OGOS 2020**


BH ONLINE

Saravanan berkata, kadar kemalangan di tempat kerja meningkat sebanyak 13 peratus (2.71 bagi setiap 1,000 pekerja) tahun lalu, berbanding 2.40 bagi setiap 1,000 pekerja pada 2018.

*Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M. Saravanan (duduk tengah) bergambar bersama para pengurusan ketika melakukan lawatan kerja di tapak projek Merdeka 118 hari ini. - Foto BERNAMA*

Justeru, beliau berkata, peraturan khusus untuk menjadikan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 atau OSHCIM yang dibangunkan oleh JKKP sebagai mandatori sedang di peringkat akhir perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara.



Oleh: Nur Syahirah binti Abd Talib

# *ROADSHOW* SPKKP KELUARAN 06 ZON TENGAH

⇒ 4 MAC 2020

⇒ JKR SELANGOR





*Roadshow* SPKKP Keluaran 06 Zon Tengah dan Zon Selatan adalah untuk memberikan kesedaran tentang migrasi dokumen dari OHSAS 18001:2007 kepada ISO 45001:2019 dan perubahan pada SPKKP yang terlibat.









# *ROADSHOW* SPKKP KELUARAN 06: ZON SELATAN

⇒ 10 MAC 2020

⇒ IKWAS KLUANG, JOHOR









# OSHCIM— Occupational Safety and Health In Construction Industry Management

Oleh: Shahrom Darmawan Bin Mohd Yunus

**PENGENALAN**

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Malaysia menghadapi pembangunan pembinaan pesat di seluruh negeri. Kemunculan bahaya dan kemalangan secara beransur-ansur meningkat disebabkan peningkatan kerumitan struktur, saiz projek yang semakin meningkat dan kaedah pembinaan baru serta kompleks dalam proses pembinaan.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia menyediakan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 juga dikenali *Occupational Safety and Health In Construction Industry Management* (OSHCIM) untuk dikuatkuasakan dalam industri pembinaan. JKKP telah menyiasat dan membuat analisis bahawa industri pembinaan mempunyai kadar kemalangan tertinggi yang melibatkan kematian walaupun penguatkuasaan oleh JKKP terus diambil. Beberapa negara telah membangunkan pengurusan pembinaan mereka sendiri untuk pengurusan pembinaan yang lebih baik dan bukan untuk mengurangkan kemalangan, kejadian, kecederaan dan kadar kematian sahaja.

**AMALAN PRAKTIS DI LUAR NEGARA**

Negara seperti di United Kingdom dimana Peraturan Pembinaan (Reka Bentuk dan Pengurusan) atau dikenali juga *Construction Design Management* (CDM) diperkenalkan. Peraturan ini wajib untuk *Prevention through Design* (PtD) di negara tersebut kerana pereka dapat menghindari atau mengurangi bahaya dan risiko yang sepadan selama fasa perancangan dan pembangunan.

Di Amerika Syarikat pula mempunyai *American National Standard* ANSI/ ASSE Z590.3-2011 iaitu Pencegahan Melalui Reka Bentuk : Garis Panduan untuk Mengatasi Bahaya dan Risiko Pekerjaan dalam Proses Reka Bentuk dan Reka Bentuk semula. Garis panduan ini mentakrifkan keperluan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam proses reka bentuk dan reka bentuk semula untuk mencegah atau meminimumkan bahaya dan risiko yang berkaitan dengan kerja ketika pembinaan, pembuatan, penggunaan, penyelenggaraan, pemasangan dan pelupusan kemudahan, proses, bahan dan peralatan.

Di Singapura pula, Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan - Reka Bentuk untuk Keselamatan yang diperkenalkan bersama dengan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Reka Bentuk untuk Keselamatan) atau turut dikenali *Design for Safety* (DfS) 2015 yang digubal. Garis panduan ini serupa dengan Peraturan CDM di UK, di mana Peraturan DfS melantik tugas kepada pelanggan dan pereka dalam perancangan dan reka bentuk peringkat projek pembinaan.

Selain itu, *Work Safe Victoria Legislation* di Australia telah membangunkan Panduan Merancang Bangunan dan Struktur yang Lebih Selamat untuk membantu pereka membangun dan menyusun reka bentuk serta proses keputusan mereka. Ia adalah untuk memastikan reka bentuk membolehkan apa-apa kerja yang dilakukan adalah selamat dan tanpa risiko kesihatan selepas selesai.

**HALA TUJU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI MALAYSIA**

Di Malaysia, JKKP telah memperkenalkan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 juga dikenali *Occupational Safety and Health In Construction Industry Management* (OSHCIM). Garis panduan ini terutamanya diterimapakai dari Peraturan-Peraturan CDM, United Kingdom.

Keperluan PtD akan menjadi sukarela untuk memberi peluang kepada para pemegang saham khususnya pelanggan dan pereka dalam industri pembinaan. OSHCIM mengesyorkan peranan minimum bagi setiap pemegang kepentingan yang terlibat dalam projek pembinaan dari awal. Pelanggan, pereka dan kontraktor adalah pemegang kepentingan yang disebutkan, perlu memohon panduan praktikal mengenai keselamatan, kesihatan dan kebajikan pengurusan semasa melaksanakan projek pembinaan.

Dalam pra-pembinaan, pelanggan dan pereka utama hendaklah bekerjasama untuk menyediakan *Pre-Construction Information* (PCI) yang mencukupi dimana akan dikongsi dengan kontraktor utama, pereka dan kontraktor. Dalam proses fasa reka bentuk, pereka utama dan pereka mesti mempertimbangkan PCI dalam kerja reka bentuk mereka. Maklumat tersebut akan lulus kepada kontraktor utama untuk tindakan selanjutnya. Seterusnya, dalam fasa pembinaan, pelanggan akan memastikan pelan fasa pembinaan dibina sebelum fasa ini bermula.

Rancangan fasa pembinaan yang dikeluarkan oleh kontraktor utama mengikut PCI yang diberikan pada peringkat awal dengan bantuan daripada pereka utama. Pada masa yang sama dalam proses fasa reka bentuk dan fasa pembinaan, fail keselamatan dan kesihatan akan disediakan oleh pereka utama.

Menurut Garis Panduan OSHCIM 2017, fail keselamatan dan kesihatan adalah fail yang sesuai dengan ciri-ciri projek, yang meliputi maklumat keselamatan dan kesihatan yang dipertimbangkan semasa projek berikut **seperti penyelenggaraan, pembersihan,** pengubahsuaian, atau perobohan. Fail diperlukan apabila projek melibatkan lebih daripada satu kontraktor. Oleh itu, pada akhir projek, fail keselamatan dan kesihatan diserahkan kepada pelanggan di mana klien perlu mengekalkan fail dan memastikan ia tersedia untuk sebarang kerja pembinaan berikut di bangunan.




Elakkan 3S



# Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Oleh: Nur Azlina binti Sapuan

## *Do's & Dont's*



Ruang Pemeriksaan Suhu Badan





Pemagaran Di Tepian Terbuka





Pemasangan *Fire Extinguiser*





Box Penyambungan Elektrik





Penghadangan Di Laluan Terbuka







Penyimpanan Bahan Kimia



*BIASAKAN untuk MELAKUKAN hal yang benar, BUKAN MEMBENARKAN hal yang biasa.*



Kekemasan Tapak Bina





Pemagaran Di Ruang





Pemasangan *Red Tag* Yang Jelas





Oleh: Shahrom Darmawan Bin Mohd Yunus & Mohd Rusydan Syahir bin Shaharuddin

## KEMALANGAN & PENYAKIT PEKERJAAN DI TAPAK BINA BAGI PROJEK BERNILAI MELEBIHI RM 20 JUTA (SEHINGGA SEPT 2020)




PERBANDINGAN TABURAN KEMALANGAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN DI TAPAK BINA JKR (2018 – SEPTEMBER 2020)




# KUALITI

## PERBANDINGAN LAPORAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN (PROJEK) BAGI TAHUN 2017 - 2019




Oleh: Nazhatul Syazwanee binti Jajuli

## LAPORAN PRESTASI AUDIT DALAM KKP PREMIS TAHUN 2020

20 PREMIS JKR (IBU PEJABAT & NEGERI )

11 PREMIS JKR DAERAH/ CAWANGAN/ WOKSYOP




# SPKKP & KKP

# INFO KEKAL SIHAT










## MESEJ UTAMA

**10,000 Langkah Sehari!**

10,000 langkah = 6 - 7 kilometer membakar 300 - 400 kalori

***Tahap keaktifan individu :***

| | |
|---|---|
| SEDENTARI | < 3000 langkah |
| SEDERHANA | 3000 - 6000 langkah |
| AKTIF | > 6000 - 10,000 langkah |
| SANGAT AKTIF | > 10,000 langkah |




Oeh: Nor Fazilawati binti Che Ramli

Oleh: Ir. Siti Sarah binti Ibrahim

# MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) JKR MALAYSIA TAHUN 2019

## 11 FEBRUARI 2020



**BILIK MESYUARAT BERLIAN, MENARA KERJA RAYA**





*Stay strong, stay healthy, God's willing, we will succeed. Remember, after the rain, comes the sun. And better days will be here*





Semasa MKSP ini juga telah diadakan Sesi Penyerahan Sijil Penghargaan kepada Pengarah JKR yang terlibat bagi pelaksanaan *Pilot Project* Cadangan Penambahbaikan Prosedur Pembinaan dan Penyeliaan Tapak Bina JKR.PK(O).04. Senarai Projek yang terlibat bagi pelaksanaan *pilot project* ini adalah seperti berikut:

| BIL | NAMA PROJEK |
|---|---|
| 1. | Pembinaan Satu Blok Tambahan yang Mengandungi Asrama, Dewan Makan dan Bilik Kuliah di Institut Penilaian Negara (INSPEN), Mukim Sepang, Selangor |
| 2. | Kerja-kerja Meroboh dan Membina Semula Masjid Kg. Klang Gate Hulu Klang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan |
| 3. | Membina Jambatan bagi Menghubungkan Kg. Lambor Kiri ke Kg. Lambor Kanan (Merentasi Sungai Perak) |
| 4. | Cadangan Menaiktaraf Kemudahan Asas, Infrastruktur Dan Utiliti Di Pulau Besar Dan Pulau Pemanggil, Johor |
| 5. | Naikaraf Jalan Kampung Paya Redan Melaka Tengah, Melaka |
| 6. | Pembinaan Bangunan Pejabat Pentadbiran di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) |






Oleh: Nur Azlina binti Sapuan

# Bengkel HIRADC Bagi Pegawai JKR Di Tapak Bina

Bengkel Penyediaan HIRADC bagi Pegawai JKR Di Tapak Bina telah diadakan pada 21-22 September 2020 di JKR Langkawi yang telah melibatkan penglibatan Pegawai SHR JKR. Bengkel ini diadakan susulan dari teguran Audit SIRIM berkaitan keperluan penyediaan dokumen HIRADC bagi Pegawai JKR DI Tapak Bina bagi memastikan keselamatan dan kesihatan Pegawai JKR berada dalam keadaan yang terbaik.













# AUDIT DALAMAN SPKKP TAHUN 2020

Audit Dalam SPKKP Bil. 1 telah dilaksanakan pada 1-30 Januari 2020 dan Bil. 2 dilaksanakan pada 1 september - 30 Oktober 2020 terhadap semua projek yang melibatkan kos melebihi 20 juta dan ke atas. Penilaian pelaksanaan SPKKP di tapak bina menerusi penilaian terbaru iaitu menerusi Penggunaan SPOSH dapat menentukan tahap pencapaian sebenar pelaksanaan SPKKP di tapak-bina bagi setiap projek.
















Oleh: Juliyanah binti Sama'an










| Bil. | Mesyuarat | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa EKSA CDPK Bil. 1/2020 | 13 Februari 2020 |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa EKSA Menara Kerja Raya (BLOK G) Bil. 1/2020 | 18 Februari 2020 |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA Ibu Pejabat JKR Malaysia Bil. 1/2020 | 16 Mac 2020 |
| 4. | Mesyuarat Jawatankuasa EKSA Menara Kerja Raya (BLOK G) Bil. 2/2020 | 1 September 2020 |
| 5. | Mesyuarat Jawatankuasa EKSA CDPK Bil. 2/2020 | 9 September 2020 |
| 6. | Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA Ibu Pejabat JKR Malaysia Bil. 2/2020 | 14 September 2020 |

Oleh: Juliyanah binti Sama'an

# AUDIT DALAMAN EKSA MENARA KERJA RAYA

| Bil. | Mesyuarat | Tarikh | Urusetia |
|---|---|---|---|
| 1. | Audit Dalam EKSA CDPK Bil. 1/2020 | 27-28 Februari 2020 | Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat |
| 2. | Audit Dalam EKSA Menara Kerja Raya (BLOK G) Bil. 1/2020 | 10-11 Mac 2020 | Cawangan Kerja Kesihatan |
| 3. | Audit Dalam EKSA CDPK Bil. 2/2020 | 10-11 November 2020 | Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat |
| 4. | Audit Dalam EKSA Menara Kerja Raya (BLOK G) Bil. 2/2020 | 18-20 November 2020 | Cawangan Kejuruteraan Mekanikal |












# TAKWIM BPK TAHUN 2021

## JANUARI

| Sun | Mon | Tue | Wed | Thu | Fri | Sat |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 1 | 2 |
| 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
| 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 |
| 17 | 18 | 19 | 20 | 21 | 22 | 23 |
| 24 | 25 | 26 | 27 | 28 | 29 | 30 |
| 31 | | | | | | |

## FEBRUARI

| Su | Mo | Tu | We | Th | Fri | Sa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 |
| 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | 19 | 20 |
| 21 | 22 | 23 | 24 | 25 | 26 | 27 |
| 28 | | | | | | |

## MAC

| Su | Mo | Tu | We | Th | Fri | Sa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 |
| 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | 19 | 20 |
| 21 | 22 | 23 | 24 | 25 | 26 | 27 |
| 28 | 29 | 30 | 31 | | | |

## APRIL

| Su | Mo | Tu | We | Th | Fri | Sa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 |
| 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 |
| 18 | 19 | 20 | 21 | 22 | 23 | 24 |
| 25 | 26 | 27 | 28 | 29 | 30 | |

## MEI

| Su | Mo | Tu | We | Th | Fri | Sa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | 1 |
| 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 |
| 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 |
| 16 | 17 | 18 | 19 | 20 | 21 | 22 |
| 23 | 24 | 25 | 26 | 27 | 28 | 29 |
| 30 | 31 | | | | | |

## JUN

| Su | Mo | Tu | We | Th | Fri | Sa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 |
| 13 | 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | 19 |
| 20 | 21 | 22 | 23 | 24 | 25 | 26 |
| 27 | 28 | 29 | 30 | | | |

## JULAI

| Su | Mo | Tu | We | Th | Fri | Sa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 1 | 2 | 3 |
| 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 |
| 18 | 19 | 20 | 21 | 22 | 23 | 24 |
| 25 | 26 | 27 | 28 | 29 | 30 | 31 |

## OGOS

| Su | Mo | Tu | We | Th | Fri | Sa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 |
| 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 |
| 15 | 16 | 17 | 18 | 19 | 20 | 21 |
| 22 | 23 | 24 | 25 | 26 | 27 | 28 |
| 29 | 30 | 31 | | | | |

## SEPTEMBER

| Su | M | Tu | We | Th | Fri | Sa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 |
| 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 | 18 |
| 19 | 20 | 21 | 22 | 23 | 24 | 25 |
| 26 | 27 | 28 | 29 | 30 | | |

## OKTOBER

| Su | Mo | Tu | We | Th | Fri | Sa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 1 | 2 |
| 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 |
| 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 |
| 17 | 18 | 19 | 20 | 21 | 22 | 23 |
| 24 | 25 | 26 | 27 | 28 | 29 | 30 |
| 31 | | | | | | |

## NOVEMBER

| Su | Mo | Tu | We | Th | Fri | Sat |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 |
| 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | 19 | 20 |
| 21 | 22 | 23 | 24 | 25 | 26 | 27 |
| 28 | 29 | 30 | | | | |

## DISEMBER

| Su | Mo | Tu | We | Th | Fri | Sa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 |
| 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 | 18 |
| 19 | 20 | 21 | 22 | 23 | 24 | 25 |
| 26 | 27 | 28 | 29 | 30 | 31 | |

**USS -**

1. MKSP: 9 Mac
2. Audit Pemantauan SIRIM: 5 - 9 April
3. Audit Dalam SPB: 1 Julai—31 Ogos




**UA -**

1. Mesy Ketua Panel Anugerah sempena SOC Bil. 1: 19 Jan
2. Mesy JKuasa Induk EKSA Bil 1: 17 Feb
3. Audit Dalam EKSA Bil.1/2021: 23-25 Feb
4. Mesy Ketua Panel Anugerah sempena SOC Bil. 2: 20 April
5. Mesy Ketua Panel Anugerah sempena HIJ Bil. 1: 27 April
6. Audit Dalam EKSA Bil.2/2021: 24-26 Ogos
7. Mesy Ketua Panel Anugerah sempena HIJ Bil. 2:7 Sept
8. Mesy Jkuasa Induk EKSA Bil.2 : 14 Sept

**UPS -**

1. Program OSHCIM: 20 Jan
2. Mesy S/U JKK Premis Bil.1: 25 Jan
3. Mesyuarat KPA Audit Dalam KKP Premis: 26 Jan
4. SPKKP Zon Utara: : 4 Feb
5. Audit Dalam KKP Premis: 2 Feb - 31 Mac
6. Mesy Post Mortem Audit SPKKPRoadshow: 28 Jan
7. Mesy Penyelaras SPKKP Bil 1: 8 Feb
8. Mesy Pegawai SHR: 1 Jun
9. Mesy Penyelaras SPKKP Bil 2: 22 Jun
10. Mesy KPA & TKPA Audit Dalam SPKKP: 29 Jun
11. Mesy S/U JKK Premis Bil.2: 9 Julai
12. Mesy JKJ: 1 Sept

**KURSUS -**
***(tarikh akan ditentukan kemudian)***

1. Asas SPB
2. JAD SPK
3. Efektif SPK
4. Pemantapan Auditor SPK
5. Asas Auditor SPK
6. Audit Dalam KKP Premis Tahun 2021
7. Pematuhan Akta KKP Premis Tahun 2021
8. Lead Auditor ISO 45001:2018
9. JAD SPKKP
10. SHASSIC Siri 1 dan Siri 2
11. Efektif SPKKP
12. Auditor EKSA Bil. 1 & 2
13. Pelaksanaan EKSA DIY

**CUTI UMUM -**

1. Tahun Baru 2 - 13 Jan
2. Hari Wilayah : 1 Feb
3. Hari Pekerja: 1 Mei
4. 1 Ramadhan: 13 April
5. Nuzul Quran: 29 April
6. Aidilfitri: 13 - 14 Mei
7. Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda YDPA: 7 Jun
8. Aidiladha: 20 Julai
9. Awal Muharam:10 Ogos
10. Hari Kebangsaan: 31 Ogos
11. Hari Malaysia: 16 Sept
12. Maulidur Rasul: 19 Okt
13. Deepavali: 4 Nov
14. Hari Krismas: 25 Dis

Oleh: Nur Syahirah binti Abd Talib

# PROGRAM COVID 19 KKP & *CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY* (CSR) HONDA




1 Program ini adalah usaha untuk meningkatkan kembali kesedaran terhadap pematuhan SOP bagi mencegah penularan Pandemik COVID-19 di dalam komuniti masyarakat terutamanya di tempat kerja.









2 Aktiviti menarik yang disediakan adalah pemberian minuman panas secara percuma serta agihan reusable face mask dan handsanitizer











# LAWATAN TEKNIKAL (KKP) KE PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD (PNMB)

## 25 Ogos 2020










Oleh: Mohd Rusydan Syahir Bin Shaharuddin



# Bengkel HIRADC

*Hazard Identification, Risk Assesment & Determining Control*



## Generik COVID-19



Pada **4 Jun 2020,** bengkel HIRADC bagi mematuhi Arahan Pematuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 berkaitan langkah-langkah pencegahan terhadap wabak jangkitan COVID-19 di tempat kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah selesai dilaksanakan.



## Unit Cetak, Blok E,

Pada **27 & 28 Julai 2020**, pelaksanaan bengkel HIRADC bagi memastikan semua penemuan audit penguatkuasaan JKKP di ruang kerja unit cetak pada 19 Ogos 2019 segera diambil tindakan telah selesai dilaksanakan.









Oleh: Mohd Rusydan Syahir Bin Shaharuddin

# PEMERIKSAAN DAN PENGUJIAN BUNYI BISING UNIT CETAK BLOK E, CAWANGAN DASAR PENGURUSAN KORPORAT

| KOD SLM | POINT | BACAAN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | $L_{10}$ | $L_{90}$ | $L_{avg}$ | $L_{max}$ |
| S513 | 1 | 74.9 | 73.9 | 77 | 78.6 |
| S514 | 1 | 75.4 | 74.8 | 76.5 | 78.7 |
| S515 | 1 | 75 | 74.3 | 75.7 | 78.6 |
| Purata | 1 | 75.1 | 74.3 | 76.4 | 78.6 |





**Paras bunyi yang dibenarkan:**

- Paras pendedahan bising harian melebihi 85dB (A)
- Paras tekanan bunyi maksimum melebihi 115dB (A)
- Paras tekanan bunyi puncak melebihi 140 dB (C)







**Cadangan Penambahbaikan:**

- Memakai alat pelindung peribadi iaitu *ear plug*
- Penetapan jadual penggiliran *operator*
- Mengehadkan operasi mesin cetak



*We all want this to be over. We all want to get on with our lives. But the hard reality is this is not even close to being over.*



Dr Tedros, WHO

Oleh: Nur Azlina binti Sapuan

# MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN JABATAN (JKJ) TAHUN 2020 JKR MALAYSIA

Mesyuarat JKJ JKR Malaysia telah diadakan pada 3 September 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Berlian, Menara KKR yang mana telah dihadiri oleh semua Pengarah Cawangan Ibu Pejabat dan Negeri JKR Malaysia. Fokus utama mesyuarat ini adalah bagi membincangkan aspek-aspek keselamatan yang terdiri daripada Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), Keselamatan Perlindungan dan Keselamatan ICT. Mesyuarat ini juga merupakan satu platform bagi wakil-wakil majikan mengutarakan dan membincangkan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerja pegawai JKR Malaysia bagi mewujudkan suasana tempat kerja yang selamat dan sihat.







Oleh: Nur Syahirah binti Abd Talib



# MESYUARAT

## *SAFETY AND HEALTH REPRESENTATIVE* (SHR)

**Mesyuarat Pegawai Safety and Heath Representative (SHR) JKR Malaysia Tahun 2020 diadakan pada 6 Julai 2020 secara serentak melalui mesyuarat fizikal dan mesyuarat atas talian menggunakan pautan *Skype for bussines* (Sfb).**





**Bagi memastikan SOP pencegahan penularan wabak COVID-19 dipatuhi, mesyuarat fizikal dihadkan kepada 35 orang sahaja mengikut kapasiti bilik Mesyuarat Berlian, Blok G, Menara Kerja Raya. Seramai 20 pegawai SHR pula menyertai mesyuarat secara atas talian terutamanya pegawai yang berada di WP Labuan, Sabah dan Sarawak dan juga pegawai yang tidak boleh melakukan perjalanan rentas negeri kerana masih berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).**

SUCCESS

JAWAPAN
1. PENGURUSAN
2. SBP
3. PROJEK
4. MKSP
5. QLASSIC
6. ITP
7. MIGRASI
8. SPKKP
9. SPOSH
10. RISIKO
11. BQ
12. SHASSIC
13. EKSA
14. INOVASI
15. KIK



Oleh: Nur Syahirah binti Abd Talib

TEKA SILANG KATA

# UJIAN MINDA

## BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI





**SOALAN**

1. SBP merangkumi proses kerja prosedur operasi dan prosedur _________.
2. Skop perlaksanaan _________ meliputi SPK (ISO9001:2015), SPKKP (ISO45001:2018), SPAS (ISO14001:2015) dan SPAT (ISO5001:2011).
3. Bisnes utama SPB ialah perkhidmatan perunding teknikal, perkhidmatan pengurusan penyenggaraan dan perkhidmatan pengurusan __________.
4. ___________ merupakan mesyuarat melibatkan pengurusan atasan JKR yang diadakan setahun skali bagi mengkaji semula keberkesanan system pengurusan.
5. Projek kerajaan yang bernilai melebihi RM 10 juta dilaksanakan mengguna pakai sistem penilaian__________.
6. Dokumen ________ adalah garis panduan bagi kerja kerja pemekrisaan dan pengujian untuk projek JKR.
7. Perubahan piawaan melibatkan _________ dari OHSAS 18001:2007 kepada ISO 45001:2018.
8. Skop________ ialah projek yang jumlah kos kontrak melebihi RM20 juta bagi penyeliaan projek di peringkat pembinaan.
9. Nama singkatan bagi *Scoring System For Project In Occupational Safety and Health* adalah _________.
10. Pengurusan __________KKP adalah salah satu elemen yang ditekankan dalam ISO 45001:2018.
11. Penggunaan *Specifications For Occupational Safety and Health* (JKR OSH SPEC) and *Bill of Quantities* ______ dikeluarkan pada 18 September 2019.
12. *Safety and Health Assessment System In Construction Assessor* dikenali sebagai _______.
13. Ekosistem Kondusif Sektor Awam dikenali sebagai __________.
14. Bulan Oktober adalah merupakan bulan kepada Hari _________ JKR (HIJ).
15. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif juga dikenali sebagai __________.

# LAWATAN PENANDA ARAS EKSA KE MENARA KERJA RAYA MALAYSIA

Oleh: Amira Najwa binti Mohamed Nor

## PEJABAT TANAH & GALIAN NEGERI KELANTAN

### 21 FEBRUARI 2020

We are still battling this. Our battle is not over yet. We have not won and neither have we lost














### 15 SEPTEMBER 2020

## CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL NEGERI JOHOR & JKR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR








Oleh: Juliyanah binti Sama'an

# KURSUS *MASTER PITCH– BEST AWARS WINNING PRESENTATION* JKR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 12 OKTOBER 2020











Oleh: Shahrom Darmawan Bin Mohd Yunus



KURSUS PEGAWAI PENILAI

*SAFETY & HEALTH ASSESSMENT SYSTEM IN CONSTRUCTION* (SHASSIC) CIS 10:2018 BAGI SIRI 2/2020

26 OGOS 2020 (RABU)

MENARA PJD, JKR MALAYSIA









KURSUS PEGAWAI PENILAI *SAFETY & HEALTH ASSESSMENT SYSTEM IN CONSTRUCTION* (SHASSIC) CIS 10:2018 BAGI SIRI 1/2020

22 JULAI 2020 (RABU)

MENARA PJD, JKR MALAYSIA

Oleh: Mohd Asri Bin Zainol

# KURSUS KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) CDPK TAHUN 2020

## 8 - 9 JULAI 2020





Bilik Citrus, Menara PJD Ibu Pejabat JKR Malaysia











Oleh: Mohd Rusydan Syahir Bin Shaharuddin




## PENGGUNAAN DOKUMEN JKR OSH SPEC & OSH BQ 2019 DI TAPAK BINA BAGI PROJEK-PROJEK JKR

Muat Turun di

Laman web spb.jkr.gov.my -> Bahagian DOKUMEN SOKONGAN-> Sub-seksyen Senarai Induk Dokumen Sokongan SPB

Tatacara Penggunaan Rujuk di

Surat Arahan KPKR Bil.25/2019 bertarikh 18 September 2019

Oleh: Mohd Asri Bin Zainol




# Kursus Auditor Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)







| | | |
|---|---|---|
| Tempat | : | Bilik Kuliah Al-Battani, Create, Melaka |
| Tarikh | : | 30 September–1 Oktober 2020 |
| Tujuan | : | Memberi pendedahan secara menyeluruh mengenai komponen audit mengikutkriteria yang telah ditetapkan oleh Pihak MAMPU |
| Bil. Peserta | : | 23 orang |



Oleh: Mohd Rusydan Syahir Bin Shaharuddin

## 26 - 27 OGOS 2020



## 5 - 6 OKTOBER 2020



**Kursus Asas Juruaudit Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) Tahun 2020**

**Kursus Efektif Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) Tahun 2020**









Oleh: Nor Fazilawati binti Che Ramli



























Oleh: Nor Fazilawati binti Che Ramli




























JASAMU DIKENANG (BERSARA WAJIB NOV 2020 )
Ir. Anisah
Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti
Ir. Faizan
Ketua UNIT SENGGARA SISTEM
Ai'nun Bashirah
Ketua UNIT PEMBANGUNAN SISTEM
Ir. Siti Sarah
SPK, MKSP
Ashrif
Ketua UNIT ANUGERAH
Nur Azlina
AUDIT SPKKP, RMP PROJEK (SPKKP)
Ahmad Termizi
AUDIT DALAM SPB, ERM
Amira
ANUGERAH (SOC), EKSA IPJKR
Syazwanee
KEPUASAN PELANGGAN, BAJEET, POL
Shahrom
2PSPKKP, OSHCIM, SHASSIC
Afiqah
Setiausaha Pejabat
Asri
ANUGERAH (INOVASI), INOVASI CDPK
Sharifah Nur Auni
AUDIT LUAR, Q-LASSIC
TEAMWORK
TOGETHER
EVERYONE
ACHIEVES
MORE
Rusydan
KKP PREMIS, LATIHAN
Iftah
SPK
Juliyanah
ANUGERAH (SOC), EKSA IPJKR,
ANUGERAH (INOVASI), INOVASI CDPK
Nur Syahirah
MESY SHR, JKJ
Suriyani
SPK
Pegawai Berpindah
Rosheila
Nadzri
Nor Fazilawati
SPKKP, KKP PREMIS


BE INFORMED
BE PREPARED
BE SMART
BE SAFE
BE READY TO FIGHT
#KITAMESTIMENANG

# ArENA COVID-19



**SENSASI:** Perjuangan rakyat Malaysia mesti diteruskan, jangan terus mengalah

## TERIMA KASIH
## *FRONTLINERS*

BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI


BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI
CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT
TINGKAT 31, MENARA KERJA RAYA (BLOK G)
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR
Emel : kualiti@jkr.gov.my
Tel : 03 - 2618 8687 / 8689
Fax : 03 - 2618 8707


www.jkr.gov.my/spb

www.facebook.com/jkr.malaysia

https://twitter.com/@jkr_malaysia

**#KITAJAGAKITA** **#KITAMESTIMENANG** **#NORMABAHARU**